

01 DEC 2002

Samy Vellu-Ceti

SAMY VELLU TULIS SURAT KEPADA PM CARI JALAN LONGGARKAN PINJAMAN

SEREMBAN, 1 Dis (Bernama) -- Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S.Samy Vellu berkata beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mencari jalan bagaimana kerajaan boleh membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan pinjaman bank dengan lebih mudah, bagi mengelakkan mereka meminjam dari ceti haram.

"Saya akan menulis surat kepada Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan untuk mencari jalan bagaimana kita boleh bantu orang miskin yang suka menceburi bidang perniagaan... dan macam mana kerajaan boleh memberi pinjaman melalui bank, tetapi menggunakan wang kerajaan, bukan dengan beberapa ratus syarat," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung k-35 Majlis Kelab Bell Belia Tamil di sini hari ini. Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad adalah tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Samy Vellu berkata beliau diberitahu ramai golongan berpendapatan rendah memohon untuk mendapatkan pinjaman daripada bank, tetapi kebanyakan bank tidak berminat serta meminta jaminan yang tinggi sebelum pinjaman dapat diberikan.

"Misalnya, kalau seseorang itu mahu meminjam RM10,000, dia diminta menyediakan jaminan...bagi golongan berpendapatan rendah, semua harta kita kena bagi, barulah cukup untuk dijadikan jaminan bagi mendapatkan pinjaman.

"Masa yang diambil untuk sesuatu pinjaman itu diluluskan juga lama, tiga hingga lima bulan, malah ada yang sampai satu tahun. Masa itulah mereka digalakkan untuk berjumpa dengan ceti haram untuk mendapatkan pinjaman," katanya.

Beliau yang juga Presiden MIC turut meminta pihak berkuasa supaya memantau kegiatan ceti haram ini kerana ia bukan sahaja merosakkan harta benda, tetapi mengancam nyawa peminjam sekiranya tidak mampu membayar pinjaman itu dalam masa yang ditetapkan.

Katanya lagi, berdasarkan undang-undang, setiap pemiutang perlu mendapatkan lesen yang sah sebelum memberikan pinjaman kepada orang lain.

"Golongan ceti haram ini mesti ditahan kerana mereka melanggar undang-undang, menjalankan perniagaan tanpa lesen dan sepatutnya dikenakan hukuman yang berat oleh mahkamah," katanya sambil memberitahu kebanyakan kegiatan itu berlaku di Lembah Klang dan bandar-bandar besar.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan polis membuat siasatan menyeluruh terhadap kegiatan ceti haram di negara ini.

Baru-baru ini, tiga sekeluarga iaitu seorang peniaga di Kuala Lumpur M.Manimaran, 35, isterinya Leela Vellu, 27, dan anak mereka Devan Raja, 4, mati di Hospital Seremban kerana dilaporkan membunuh diri dengan meminum racun setelah tidak tahan dengan gangguan ceti haram.

--BERNAMA

APG ZB